

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**DI MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2015
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

**6 JANUARI 2015 (SELASA)
DEWAN SERBAGUNA
ARAS 2, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

ALUAN

YB Datuk Ab Aziz Kaprawi, Timbalan Menteri

Y.Bhg. Datuk Dr Ismail Hj Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian

Y.Bhg. Datuk Ruhaizah Muhammad Rashid, Timbalan Ketua Setiausaha

Y.Brs. Encik Chua Kok Ching, Timbalan Ketua Setiausaha

Ketua-ketua Jabatan

Setiausaha-setiausaha bahagian

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

PENDAHULUAN

1. Saya kira masih belum terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2015 kepada semua. Semoga tahun baru ini akan menjadi tahun yang lebih baik untuk kita semua. Sudah semestinya, Tahun 2014 merupakan tahun yang begitu mencabar buat Malaysia. Negara kita diuji hebat dengan pelbagai tragedi yang amat memilukan dan menyayat hati – kehilangan pesawat

MH370, nahas pesawat MH17 dan terkini bencana banjir besar terburuk semenjak tahun 1971 yang merekodkan jumlah mangsa banjir melebihi 200,000 orang di negeri-negeri pantai timur semenanjung. Sudah semestinya tragedi sebegini meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada kita semua, apatah lagi kepada ahli keluarga dan mangsa bencana tersebut ibarat peribahasa “berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul”.

2. Doa, bantuan dan sumbangan terus disalurkan kepada semua keluarga yang terjejas. Saya amat tersentuh dengan sikap prihatin dan semangat perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia kepada mangsa-mangsa banjir melalui sokongan dalam bentuk kerjasama, barangan dan wang tunai. Ini membuktikan semangat perpaduan yang utuh dikalangan rakyat Malaysia dalam bersama-sama membantu saudara-saudara kita terutamanya di Kelantan kita tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman. Malah, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan merakamkan rasa bangga saya dengan usaha murni warga MOT yang turut memainkan peranan dalam melaksanakan aktiviti pengumpulan barang keperluan untuk mangsa banjir pada 26 Disember yang lalu.
3. Dalam pada itu, dunia turut dikejutkan dengan satu lagi tragedi yang begitu meruntun hati kita iaitu insiden pesawat Air Asia Indonesia penerbangan QZ8501 yang disahkan terhempas di perairan Indonesia berhampiran Pulau Belitung dan Selat Karimata pada minggu lalu. Kita merakamkan ucapan takziah buat keluarga dan kenalan penumpang dan anak kapal pesawat QZ8501 dan

turut bersedih atas insiden yang amat tragik ini. Malaysia kekal komited dalam membantu pihak berkuasa Indonesia dalam misi pencarian berterusan yang sedang dijalankan dengan bantuan 3 kapal TLDM dalam waktu-waktu yang sukar ini.

4. Walaupun kita bersedih dan berdukacita dengan pelbagai tragedi dan insiden malang yang berlaku, kita seharusnya sedar bahawa tragedi yang menimpa ini mempunyai hikmahnya tersendiri. Ianya menjadi satu kekuatan bagi merapatkan rakyat Malaysia untuk terus bersatu hati bersama-sama dalam solidariti serta saling bantu-membantu dan memberi sokongan moral yang tidak henti-henti tanpa mengira perbezaan latar belakang, keturunan dan fahaman masing-masing. Saya yakin dan percaya dengan semangat sebegini pastinya kita akan lebih kuat untuk menghadapi tahun 2015 dan tahun-tahun yang mendatang.

PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MEMBERANGSANGKAN

5. Di sebalik cabaran demi cabaran yang kita hadapi pada tahun 2014, namun ekonomi negara terus berkembang dengan pesat, mencatatkan pertumbuhan 6.1% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2014, pencapaian tertinggi di kalangan negara-negara ASEAN. Ini merupakan satu permulaan baik untuk negara kita melangkah masuk ke tahun 2015 dan saya yakin kita akan mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan konsisten dalam mencapai aspirasi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

6. Hal ini memerlukan penglibatan semua pihak termasuklah kita - warga kementerian pengangkutan. Kita hendaklah berusaha gigih bagi meningkatkan komitmen dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita serta memastikan petunjuk prestasi utama kementerian bagi 2015 dicapai. Untuk itu, saya menyeru semua warga kementerian serta Jabatan dan agensi untuk kita bersama-sama berusaha semaksima mungkin bagi mengecap pencapaian yang lebih unggul tahun ini.

SOROTAN UTAMA 2015: PENGANJURAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA

7. 2015 bakal menjadi tahun yang amat penting buat Kementerian Pengangkutan Malaysia. Ini kerana pelbagai penganjuran persidangan bertaraf antarabangsa bakal dilangsungkan pada tahun ini termasuk ASEAN Senior Transport Officials Meeting dan ASEAN Transport Ministers Meeting. Selaku Pengerusi kepada kedua-dua mesyuarat dan persidangan ini, Kementerian Pengangkutan akan memainkan peranan yang begitu penting dalam memacu pelaksanaan program serantau yang berkaitan dengan sektor pengangkutan agar ianya selaras dengan misi dan visi ASEAN untuk menjadi sebuah rantau yang berintegrasi dengan ekonomi global.
8. Kerjasama dalam bidang pengangkutan akan memastikan sektor pengangkutan ASEAN sentiasa selari dengan kemajuan sektor pengangkutan global. Sektor pengangkutan merupakan salah satu sektor yang penting dalam mewujudkan satu komuniti ASEAN

yang saling berhubung di peringkat serantau. Ini perlu bagi menjadikan ASEAN sebagai hab perdagangan dan pelaburan unggul di rantau ini, ASEAN perlu menyediakan fasiliti kesalinghubungan yang maju, sistematik dan terjamin pada tahun 2015 dan pasca 2015.

9. Seperti yang saya maklumkan dalam perhimpunan yang lalu, tahun ini bakal menjadi tahun yang amat sibuk dalam kalendar kementerian kerana buat pertama kalinya, kita bakal menjadi penganjur bersama dengan Kementerian Pertahanan dalam penganjuran LIMA 2015 yang bakal berlangsung dari 17 sehingga 21 Mac 2015. Peranan yang akan dimainkan oleh MOT kali ini adalah besar dan memerlukan kerjasama dari Jabatan dan agensi serta industri yang terlibat dalam sektor pengangkutan udara dan juga maritim.
10. Saya amat berharap LIMA '15 mampu melonjak dan menonjolkan imej dan sumbangan MOT di kalangan rakyat dan sekaligus memperbetul persepsi yang hanya mengaitkan MOT dengan isu-isu penguatkuasaan dan nahas udara. Ini merupakan satu platform yang amat baik buat kita dalam mempromosikan sektor-sektor udara dan maritim yang menekankan peranan kita sebagai *enabler* kepada pembangunan negara menjelang 2020.
11. Kerja kita tidak terhenti setakat penganjuran persidangan dan mesyuarat ini sahaja. Saya yakin dan percaya tahun 2015 bakal menyediakan berbagai-bagai lagi program dan aktiviti yang memerlukan kerja keras dan daya usaha tuan-tuan dan puan-puan semua. Kita hendaklah sentiasa bersedia untuk memberikan yang

terbaik dalam pada kita menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan.

HARAPAN SAYA

12. Saya tidak merancang untuk berucap dengan panjang lebar pada pagi ini. Saya berharap semua cabaran, dugaan dan kepayahan yang telah kita lalui pada tahun yang lalu dapat kita jadikan pedoman dan kekuatan untuk kita mengorak langkah untuk lebih maju. Memang benar bukan ianya bukan mudah, namun semangat sebeginilah yang diperlukan untuk kita terus berjaya dalam apa yang kita laksanakan.

13. Sekali lagi saya mengajak semua warga dan kakitangan MOT dan Jabatan serta agensi di bawahnya agar turut bersama-sama dengan saya untuk kita majukan dan harumkan lagi nama Kementerian Pengangkutan kita ini. Marilah kita lipat gandakan usaha dan produktiviti agar dapat kita bawa kementerian ini ke satu tahap yang lebih tinggi dan maju bukn sahaja tahun 2015 ini malah terus ke masa-masa yang akan datang.

Sekian

Terima kasih